



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 2 OKTOBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FINED RM20,000 FOR BEATING PET DOG TO DEATH, NATION, THE STAR, M/S – 12	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	RIBUAN IKAN MATI DI SUNGAI BERA DIPERCAYAI AKIBAT PENCEMARAN, NEGARA, KOSMO, M/S – 12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	IKAN SUNGAI BERA MATI AKIBAT PENCEMARAN KIMIA, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 20	
4.	'MADE IN MALAYSIA' AGRICULTURAL DRONE TAKES OFF, BIZ & FINANCE, THE SUN, M/S – 16	LAIN-LAIN
5.	KERAJAAN NEGERI LEPASKAN 30,000 BENIH UDANG GALAH DI SETIU, SG4:TERENGGANU, HAKAH, M/S – 15	
6.	KEMBARA PANCING KE TANJUNG PINANG, GEWANG, KOSMO, M/S – 26 & 27	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2025	THE STAR	NATION	12



Merciless act:

Thineshkumar was sentenced by the Magistrate's Court in Ipoh after pleading guilty.
— Bernama

Fined RM20,000 for beating pet dog to death

IPOH: A mechanic who pleaded guilty to a charge of beating a dog to death was fined RM20,000 by the Magistrate's Court here.

Magistrate Anis Hanini Abdullah handed down the sentence on M. Thineshkumar, 23, and also ordered that he serve one month in jail if he did not pay the fine.

He was charged with cruelly beating a male dog with an iron rod and causing injuries to it between 10.30pm and 9am on Sept 18 and 19 at a house in Lebu Klebang Utara 30, Taman Arkid, here.

The charge was framed under Section 29(1)(a) of the Animal Welfare Act 2015 (Act 772), which carries a fine of not less than RM20,000 and not more than RM100,000, a maximum three-year jail term or both, upon conviction, Bernama reported.

Deputy public prosecutor Amal Aziemah Kohar pressed for an appropriate sentence

to serve as a lesson.

Thineshkumar, who was unrepresented, pleaded for a minimum fine, saying he has no fixed income and has to support his parents. He also claimed that the dog had bitten him.

Based on the statement of facts, Thineshkumar struck his sister's pet dog with an iron rod at their residence on Sept 18 but the animal did not suffer serious injuries.

The next day while his sister was at work, Thineshkumar beat the dog again, this time causing severe head injuries that led to its death.

WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2025	KOSMO	NEGARA	12

Ribuan ikan mati di Sungai Bera dipercayai akibat pencemaran

BERA – Penduduk di sekitar Sungai Bera di sini, gempar apabila ribuan ikan pelbagai spesies ditemui mati terapung sejak Jumaat lalu dipercayai akibat pencemaran air.

Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Islam dan Dakwah Islamiah Malaysia Daerah Bera, Mat Jidi Yaakob berkata, penduduk percaya kejadian itu berpunca daripada pembuangan sisa kilang atau racun perosak yang mengalir ke Sungai Bera.

Katanya, bau pelik pada air sungai mula dihidu sejak Jumaat lalu dan semakin kuat pada hari berikutnya.

Katanya, susulan laporan daripada penduduk berhubung kejadian itu, Pejabat Tanah dan Daerah Bera, Jabatan Perikanan, Jabatan Alam Sekitar serta polis turun ke lokasi melakukan siasatan.

“Sampel air dan sedimen diambil di beberapa anak sungai berhampiran kawasan perindustrian kecil di situ bagi mengesan kemungkinan pelepasan bahan kimia secara tidak terkawal.

“Penduduk di sepanjang

Sungai Bera diminta menghentikan aktiviti menjaring ikan buat sementara waktu sehingga keputusan ujian makmal diperoleh,” katanya.

Seorang penduduk, Rosli Abd. Rahman, 60, berkata, dia terkejut melihat banyak ikan mati terapung di permukaan sungai ketika melalui kawasan itu Sabtu lalu.

Katanya, lokasi itu tempat dia memancing setiap hujung minggu dan kejadian seumpama itu tidak pernah berlaku sebelum ini.

“Saya minta orang ramai berhati-hati dan jangan beli ikan sungai yang dijual murah, dibimbangi ikan dari Sungai Bera itu,” katanya.

Pejabat Kesihatan Daerah Bera dalam satu kenyataan memberi amaran ikan mati itu berisiko mengandungi bahan pencemar atau toksik yang boleh menjejaskan kesihatan walaupun selepas dimasak.

Menurut kenyataan itu, pereputan ikan mati juga boleh menggalakkan pertumbuhan bakteria menyebabkan keracunan jika dimakan.

Ikan Sungai Bera mati akibat pencemaran kimia

Penduduk dakwa kejadian berlaku setiap tahun, banyak aduan dibuat tetapi tiada tindakan

Oleh Khairul Nirwan Bahaudin
bhnews@bh.com.my

Bera: Sungai Bera dipercayai tercemar dengan bahan kimia atau sisa kilang selepas ikan mati, sekali gus menimbulkan kebimbangan risiko keracunan kepada orang ramai.

Seorang pemancing, Abdul Ghafar Abdul Ghani, 48, berkata kejadian berkenaan disedarinya ketika memancing seorang diri pada Ahad lalu kira-kira jam 8 malam.

"Saya sudah belasan tahun memancing di Sungai Bera. Malam Ahad itu saya dapat maklumat ikan mabuk dan mati. Ada yang kata sebab air kilang. Saya balik awal kerana badan seram sejuk dan demam," katanya.



Beribu ikan mati dipercayai akibat pencemaran air di Sungai Bera.

(Foto lisan pembaca)

laupun menyedari ikan mungkin tercemar.

"Kejadian ini berlaku setiap tahun. Kalau bukan sebab tuba, mesti air kilang. Banyak aduan dibuat tapi tiada tindakan. Bukti jelas ada, namun pihak bertanggungjawab tetap terlepas," katanya.

Risiko keracunan

Sementara itu, satu maklumat kesihatan mengesahkan pencemaran bermula di Sungai Serting berhampiran Kampung Lubuk Tembangan, sebelum

terdapat risiko keracunan makanan jika ikan tercemar dimakan.

Petugas kesihatan diminta berwaspada terhadap peningkatan kes keracunan makanan atau gejala selepas memakan ikan dari sungai berkenaan.

Orang ramai yang mengalami gejala selepas memakan ikan sungai atau membeli ikan murah dipercayai dari kawasan itu diminta segera melaporkan kepada petugas kesihatan Bera.

Penduduk dinasihatkan tidak memakan atau menjual ikan

TARIKH

2/10/2025

MEDIA

BERITA
HARIAN

RUANGAN

NASIONAL

MUKA
SURAT

20

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2025	THE SUN	BIZ & FINANCE	16

'Made in Malaysia' agricultural drone takes off

KUALA LUMPUR: Malaysia's homegrown drone and automation solutions company, Aonic, yesterday launched the Mist Tec 50 at DroneTechAsia 2025, marking a significant milestone in the nation's drone ecosystem.

The Mist Tec 50 is the first heavy-duty agricultural drone with a 50-litre payload capacity that was designed and built entirely by local talent.

Developed end-to-end in Malaysia, the Mist Tec 50 involved a team of local engineers, developers, and technicians across the full cycle of design, prototyping, testing, and software integration.

"The Mist Tec 50 is a Made in Malaysia milestone that reflects how far our nation's innovation ecosystem has come. Aonic is making its mark as an innovative creator, proving that local talent can scale to meet both global benchmarks and the toughest demands of agriculture," said Aonic founder and CEO Cheong Jin Xi.

"Together, we look towards overcoming these challenges through end-to-end hardware and software innovation.

"Through the Mist Tec 50, and our proprietary Airamap Desktop and Mist Flight App, we are empowering farmers to embrace the future of modern agriculture with greater productivity and resilience."

This capability is supported by Aonic's proprietary software ecosystem: Airamap Desktop and the Mist Flight App, designed to work in tandem as complementary tools.

Airamap Desktop is a fleet management and advanced analytics system, equipped with an AI-powered data engine for tasks such as tree counting, crop monitoring, and yield estimation.

The Mist Flight App, developed for the Mist Drone series, provides live location tracking, telemetry data, and real-time video streaming to the remote controller.

Together, these complementary tools support and elevate the Mist Tec 50, making it especially effective for larger-scale fleet management and plantation operations.

This integration of hardware and software reflects Aonic's long-term vision to build an automation ecosystem spanning land, air, and sea.

Kerajaan negeri lepaskan 30,000 benih udang galah di Setiu

Oleh NOR HAZWANI NOH

SETIU: Kerajaan Terengganu melepaskan 30,000 benih udang galah, 22,000 benih lampam sungai dan 1,000 anak ikan baung di Sungai Setiu sebagai sebahagian usaha memperkukuh sumber perikanan darat negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Datuk Dr Azman Ibrahim berkata, inisiatif tahun tersebut dilaksanakan di setiap daerah dan bukannya sahaja membantu mengekalkan kelestarian ekosistem sungai, malah mampu meningkatkan hasil pendapatan komuniti nelayan darat.

"Kerajaan negeri memberi penekanan terhadap keseimbangan ekosistem. Justeru, semua pihak diminta melaksanakan aktiviti merosakkan seperti menuba,



Azman (tiga dari kiri) melepaskan benih ikan di Pengkalan Beris Tok Ku, Setiu.

mengebom atau mengkanan ikan yang boleh menjejaskan kelangsungan sumber perikanan.

"Sumber yang ada penting untuk generasi akan datang, sebolehnya biarlah anak cucu kita turut mera-

sai hasilnya nanti," katanya selepas berlangsungnya Program Pelepasan Benih Ikan, Penyerahan Bantuan Pera-

latan Nelayan Darat dan Insentif Input Akuakultur di Pengkalan Beris Tok Ku, di sini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permaisuri, Mohd Yusop Majid; Pengarah Pertanian Negeri, Dr Sukati Sakka; Timbalan Pengarah Perikanan Negeri, Hasniah Othman serta Yang Dipertua Majlis Daerah Setiu, Ahmad Ridzwan Abd Rahman.

Setakat ini, kerajaan negeri melepaskan lebih 800,000 anak benih ikan dan udang di perairan umum di seluruh Terengganu sejak awal tahun, manakala sasaran bagi 2025 ialah satu juta anak benih pelbagai spesies.

Selain pelepasan benih ikan, seramai 31 nelayan turut menerima bantuan peralatan menangkap ikan, melibatkan 16 penerima dari daerah Besut dan 15 lagi dari Setiu, selain penyerahan insentif input akuakultur.



AHLI trip bersama
sebahagian
daripada hasil
pancingan.



Stulang Laut.

Kami telah menempah tiket feri awal kerana tarikh trip jatuh pada musim cuti sekolah. Kami harus melepasi proses pelepasan di imigresen dan menaiki feri ke Tanjung Pinang yang mengambil masa sekitar tiga jam.

Setibanya di Terminal Feri Tanjung Pinang, wakil agensi bot memancing telah menyediakan kenderaan untuk mengangkut barangan kami ke bot yang diparkir tidak jauh dari jeti.

Bot Wisata Bahari V

Di jeti, tekong Pak Akob sudah sedia menanti di bot miliknya. Awak-awak bot bertungkus lumus memunggah barangan kami dari lori ke bot, semuanya beres diselesaikan pihak agensi.

Selepas selesai memindahkan barangan, satu taklimat keselamatan dan sesi pengundian tapak memancing di atas bot dijalankan.

Kemudian, bermulalah perjalanan kami ke lokasi pancingan pertama yang mengambil masa kira-kira 10 jam.

Cuaca yang baik membolehkan kami menyiapkan kelengkapan memancing. Dalam perjalanan, tekong turut berhenti di satu lokasi untuk mendapatkan umpan ikan hidup menggunakan *qpollo*. Antara umpan hidup yang diperolehi adalah ikan sardin, selar dan kembung.

Sepanjang perjalanan juga, awak-awak bot menyediakan makan malam untuk kami. Pendek kata semuanya tersedia lengkap.

Setibanya di lokasi pancingan pertama, Pak Akob menyarankan kami untuk memancing dasar menggunakan 'ranggong' (*spreader*)

“Sebaik sampai, masing-masing sudah tidak sabar untuk menurunkan umpan kerana kami tahu, umpan siapa yang mencecah dasar paling awal, biasanya akan terus disergap ikan merah.”

Kembara pancing ke Tanjung Pinang

TERLETAK di Tanjung Pinang, Indonesia, siapa sangka lokasi dalam kepulauan Riau ini menyimpan pelbagai khazanah hasil laut di perairannya.

Oleh **Redzuan Mohamed**

TANJUNG Pinang terletak tidak jauh dari sempadan Malaysia melalui perairan Johor. Dari Terminal Feri Stulang Laut, Johor, perjalanan hanya mengambil masa kira-kira tiga jam dengan feri untuk tiba di Jeti Tanjung Pinang.

Jadi tidak hairanlah, ramai

pemancing dari Malaysia dan Singapura enggan melepaskan peluang memancing di perairan Tanjung Pinang yang kaya dengan terumbu karang, sekali gus menjadi habitat utama kepada pelbagai spesies ikan.

Walaupun proses memasuki Indonesia agak ketat dan memerlukan beberapa urusan seperti pasport, pembelian tiket feri serta kelulusan Jabatan Perkhidmatan

Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) untuk membawa pulang ikan, namun ia tidak menjadi halangan kepada pemancing untuk merasai pengalaman memancing di sini.

Perjalanan

Saya bersama 11 orang pemancing lain bertolak dari Rawang, Selangor menuju ke Terminal Feri

2



3



4



1. Arif membuka tirai trip dengan tangkapan seekor ikan kaci.

2. Ikan gerong pulau yang mengambil umpan sotong beku saya.

3. Ikan jenahak yang turut menyelit di antara ikan merah.

4. Dr. Azwa bersama ikan pari.

5. John dan Hasan bersama ikan merah terbesar trip.

6. Banyak juga ikan jenahak yang kami dapat semasa trip.

7. Ikan pari harimau yang menjadi impian ahli trip.

dengan perambut sepanjang lebih kurang dua meter dan umpan selar hidup. Kedalaman dasar di lokasi ini sekitar 60 meter dengan arus pasang besar laju yang memerlukan penggunaan batu ladung seberat 500 gram.

Hasilnya, Ariff menjadi orang pertama menaikkan ikan kaci. Di lokasi pertama ini sahaja, kami berjaya menaikkan lima ekor ikan kaci dengan purata berat antara tiga hingga lima kilogram (kg) seekor.

Malam pertama berlangsung sehingga pukul 6 pagi, dan kami berehat sehingga pukul 10 pagi sebelum memulakan sesi pancingan di hari kedua.

Hari kedua

Selepas bersarapan, bot mengangkut sauh dan menuju ke lokasi pancingan kedua yang mengambil masa lebih kurang dua jam.

Setibanya di sana, kami bersiap sedia untuk memancing dengan teknik bot berhanyut sambil memancing dasar.

La sedikit berbeza dengan pan-

cing dasar kerana menggunakan perambut panjang. Apabila bot berhanyut, kami menggunakan perambut stail paternoster iaitu ada beberapa perambut anak yang pendek bernata kail di satu perambut ibu seperti cara apollo.

Cuma kami pasang dua perambut anak berbanding apollo yang mempunyai banyak perambut anak.

Kedalaman laut di lokasi ini sekitar 60 meter, tetapi oleh kerana bot berhanyut kami guna batu ladung sedikit ringan iaitu seberat 300 gram.

Kebanyakan hasil tangkapan pada hari kedua adalah ikan kerapu, merah dan pelbagai spesies ikan kecil lain.

Spesies ikan sasaran utama iaitu pari dan yu kemejan masih belum berjaya ditangkap. Sesi pancingan diteruskan sehingga lewat petang.

Pada waktu malam, bot berlabuh dan kami bertukar kepada pancing dasar menggunakan ranggong semula. Umpan ikan hidup seperti tamban dan kumbang dipertukarkan dengan harapan ada tangkapan

ikan bersaiz besar.

Akhirnya, ikan bersaiz kasar memunculkan diri apabila salah seorang daripada kami menaikkan seekor kerapu besar.

Pada masa sana, saya berjaya menaikkan seekor ikan gerong pulau menggunakan umpan sotong beku.

Saya tidak menyangka ikan ini yang kebiasaannya menyambar jig sanggup membedal umpan pula.

Hari ketiga

Pagi-pagi lagi bot berpindah ke lokasi yang mengambil masa lebih kurang dua jam perjalanan. Pak Akob menyarankan untuk bertukar ke perambut paternoster kerana bot akan berhanyut di atas lubang-lubang dalam yang menjadi lubang ikan merah.

Sebaik sampai, masing-masing sudah tidak sabar untuk menurunkan umpan kerana kami tahu umpan siapa yang mencecah dasar paling awal, biasanya akan terus disergap ikan merah.

Seperti diduga, umpan isi

ikan John terus dirembat ikan merah dan saiznya menakutkan sekali. Kejayaannya itu diikuti oleh rakan-rakan lain.

Sepanjang waktu siang, ikan sangat 'peramah', bukan sahaja ikan merah yang menjamah umpan, malah ada juga ikan jenahak dan kaci.

Pada malam terakhir, semua orang mengharapkan ikan bonus dan impian itu tercapai apabila seekor ikan pari harimau mega berjaya didaratkan selepas kira-kira 30 minit pertarungan.

Terukir senyuman pada wajah pemancing yang sudah lama mengimpikan tarikan ikan padu.

Selesai memancing pada malam tersebut, bot bergerak pulang ke jeti. Pihak agensi bot sudah menyiapkan ais serta tong untuk membawa pulang ikan tangkapan ke Malaysia.

Secara keseluruhannya, trip ini sangat menyeronokkan walaupun kos bot agak tinggi. Namun, pengalaman yang diperolehi begitu berharga untuk diabadikan dalam ingatan.

5



6



7

